

Temasya Olahraga UMP dapat tumpuan



Kuantan,14 Mei-Temasya Olahraga UMP 2016 menjadi acara tahunan Pusat Sukan & Kebudayaan yang dinanti peminat sukan olahraga .

Acara anjuran Pusat Sukan & Kebudayaan bertujuan mencungkil bakat sukan dan mengenalpasti atlet yang berpotensi dalam kalangan mahasiswa dan staf universiti selain membantu persediaan bakal-bakal atlet yang akan mewakili UMP dalam Sukan Staff Universiti Malaysia (SUKUM) pada tahun ini.

Bertempat di Sekolah Sukan Malaysia Pahang,Gambang baru-baru ini, Temasya Olahraga UMP 2016 berlangsung dengan suasana meriah apabila mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Mahasiswa dibahagikan mengikut fakulti manakala staf pula dibahagikan mengikut gabungan Pusat Tanggungjawab (PTJ).



Menurut Ketua Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Hj. Safie, temasya kali ini berjalan lancar dan mendapat sambutan walaupun kita mengalami El-Nino iaitu musim cuaca panas. Namun saya percaya setiap atlet sudah membuat persediaan masing-masing untuk mencapai kegemilangan merebut juara, " katanya yang hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang.





Bagi Muhammad Alif Faisal bin Roeslan, 23, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), penganjuran pada tahun ini menampakkan persaingan yang hebat dari kalangan mahasiswa. Beliau yang merupakan peserta acara 800m dan 1500m mewakili fakultinya dapat melihat kesungguhan setiap fakulti apabila berjaya menghantar wakil serta mengambil bahagian dalam semua acara yang dipertandingkan.



Manakala gabungan PTJ juga tidak kurang hebatnya apabila setiap gabungan bersaing untuk mendapatkan tempat merebut pingat emas bagi PTJ masing-masing.



Acara yang menarik perhatian antaranya larian berganti-ganti 4x100 m staf wanita dan 4x400m staf lelaki yang mendapat sorakan paling gemuruh dalam kalangan penonton. Temasya olahraga tahun ini mempertandingkan lempar cakera,lontar peluru,merenjam lembing,100m,200m,400m,4x100m,4x400m,1500m serta 5000m.

Temasya menyaksikan pemenang Dr Nurul Nadrah Aqilah Tukiman dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam menjuarai acara 800m dan 200m. Manakala Dr Siti Rabiatull Aisha Idris mengungguli acara 1500m dan 400m (Perak).Tidak ketinggalan Muhammad Ramddan Zahari menjuarai acara 1500 m dan 800 m bagi kategori staf.

Disediakan oleh Nor Fadzillah Zulkigli dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat. Foto oleh ShutterBuster dan Media Massa UMP.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 16-05-2016, 10:43:49